

## **“Model Fukuoka” adalah Cabaran Berterusan Bandaraya Fukuoka sebagai “Bandaraya dengan Keharmonian Antara Manusia, Alam Sekitar dan Daya Hidup Bandar”**

Bandaraya Fukuoka percaya bahawa nilai sebuah bandar dapat ditemui dalam keseimbangan yang baik antara pelbagai komponen seperti “ruang yang selesa”, “daya hidup bandar” dan “alam semula jadi yang kaya” untuk kedua-dua penduduk dan pengunjung.

Pada tahun 2011 Pejabat UN-HABITAT Fukuoka mengemukakan enam komponen untuk menjalani kehidupan bandar dengan cara yang mampan dan sihat dalam bandar-bandar yang berkembang pesat bersaiz sederhana di Asia, yang mana adalah: “kehidupan”, “pendidikan”, “pengangkutan”, “keselamatan dan keamanan”, “pemiagaan dan ekonomi” dan “persekitaran global”.

Bandaraya Fukuoka dipuji sebagai sebuah bandar yang “sesuai didiami” di dalam dan luar negara. Pendekatan pembangunan bandarnya yang disebut oleh seluruh dunia sebagai “Model Fukuoka”, menyediakan keharmonian daripada enam komponen untuk menyokong kualiti hidup yang tinggi.

“Model Fukuoka” menunjukkan cabaran berterusan Bandaraya Fukuoka sebagai “Bandaraya dengan Keharmonian Antara Manusia, Alam Sekitar dan Daya Hidup Bandar”.

## **Fukuoka: Satu daripada Bandaraya Di Dunia Yang Paling Sesuai Didiami**

—“Sebuah bandaraya padat, dinamik dan sesuai didiami”

*The State of Asian Cities 2010/11*

Pejabat UN-HABITAT Fukuoka



—Fukuoka berkedudukan ke-10 bagi 25 bandaraya paling sesuai didiami di dunia pada 2014.

*Majalah UK “MONOCLE” Ranking*

*Bandaraya Fukuoka dipilih setiap tahun sejak tahun 2008*

## **Pembangunan Bandaraya “Sesuai Didiami” Fukuoka**

Kira-kira separuh abad yang lalu apabila ekonomi Jepun telah berkembang dengan pesat, bandar-bandar besar di negara ini bersaing untuk menggalakkan urbanisasi dan perindustrian.

Walau bagaimanapun, Fukuoka tetap mewujudkan sebuah bandar yang boleh dibangunkan secara mampan, sebuah bandar yang menghargai kehijauan dan air dengan menghadkan pembangunan di luar tanah rata.

Inilah sikap yang membuatkan bandar ini merasa bangga dan menjadikannya “sesuai didiami” juga.

## **Tema untuk Lawatan Antarabangsa dan Latihan**

Dengan pembangunan ekonomi dan sosial yang pesat, Jepun telah mengalami pelbagai masalah seperti urbanisasi dan pertumbuhan penduduk yang pesat sebagai herotan masyarakat. Bandaraya Fukuoka menawarkan “lawatan antarabangsa dan latihan” untuk mereka yang berminat dalam pembangunan bandar, untuk berkongsi “pengalaman” dan “pengetahuan” yang ia telah perolehi melalui pengatasan isu-isu ini.

Datanglah ke Fukuoka untuk bayangan mengenai pembangunan bandar yang selesa untuk kawasan anda sendiri. Bandaraya Fukuoka, yang telah berkembang dengan ketara melalui sejarah pertukaran budayanya dengan Asia, percaya bahawa ia mempunyai peranan untuk dimainkan dalam menawarkan lawatan antarabangsa dan melaksanakan latihan, dan dengan itu menyumbang kepada masa depan Asia.

### **Landskap Bandar**

#### **Mata air dari sebuah bandaraya mampan yang menarik orang ramai**

Landskap bandar yang direka dengan baik terdiri bukan sahaja daripada luaran bangunan tetapi juga komponen lain seperti tumbuh-tumbuhan hijau yang subur di pusat bandar, penggunaan kreatif ruang di atas dan bawah tanah, fungsi bandar padat yang menjadikan kehidupan mudah, kawalan pembangunan bandar yang memaksimumkan penggunaan ciri seni bina, dan keramahan orang ramai. Komponen-komponen reka bentuk bandar yang pelbagai ini menarik orang ramai dan memacu perdagangan, dan bandaraya ini boleh bergerak ke arah pembangunan mampan.



<b>Lawatan Kuliah</b>	Daerah Sebelah Laut Momochi / Bandaraya Pulau/ Keretapi api Bawah Tanah Pentadbiran landskap bandar/ reka bentuk universal/ Dasar Penghijauan
-----------------------	--

### **Kebajikan**

#### **Sebuah bandaraya yang selesa untuk warga emas**

Jepun mempunyai salah satu kadar pertumbuhan penduduk paling pesat dan jangka hayat paling tinggi di dunia. Bandaraya Fukuoka membuat ikut tempahan perkhidmatan penjagaan bagi warga emas untuk disesuaikan dengan keadaan semasa di bandaraya ini dengan menggunakan sepenuhnya sistem perkhidmatan kesihatan dan kebajikan untuk warga emas yang ditubuhkan oleh kerajaan. Pelbagai sektor di bandaraya ini melakukan segala usaha untuk menawarkan perkhidmatan penjagaan untuk memenuhi pengguna dan keluarga mereka, seperti penambahbaikan kemudahan menggunakan peralatan terkini, dan layanan untuk menghormati harga diri manusia.



<b>Lawatan Kuliah</b>	Plaza Kebajikan Warga Bandaraya Fukuoka (Plaza Fuku Fuku) dengan ruang pameran produk bantuan / kemudahan kebajikan untuk warga emas Sistem perkhidmatan kesihatan dan kebajikan untuk warga emas / sistem insurans penjagaan kejururawatan / sistem pencen
-----------------------	--

### **Sumber Air**

#### **Mewujudkan sebuah bandaraya yang memelihara air**

Kekurangan sungai utama dan sumber air yang banyak menyebabkan Bandaraya Fukuoka pernah mengalami 2 kali kemarau dengan sekatan air jangka panjang pada masa lalu. Sejak itu, kami telah menjadi bandaraya kelas teratas dalam Jepun dari segi menghargai sumber-sumber air, dan kami sedang mengusahakan pelbagai rancangan bagi penggunaan air paling berkesan.



<b>Lawatan Kuliah</b>	Kemudahan air bersih/ kemudahan pencegahan banjir di kawasan bandar Meningkatkan kesedaran mengenai pemuliharaan air /kadar khusus
-----------------------	---

### **Alam Sekitar**

#### **“Kaedah Fukuoka” Yang Mesra Alam diiktiraf oleh PBB**

Seluruh dunia mempunyai cabaran yang sama untuk melupuskan sisa dengan cara yang mesra alam.

“Kaedah Fukuoka” telah dilaksanakan sebagai piawaian untuk tapak pelupusan sampah di beberapa wilayah Jepun. Ia mempunyai tiga ciri: pengurangan punca pemanasan global dengan menyekat pengeluaran gas metana, pembinaan pada kos yang rendah, dan penyelenggaraan dan pengurusan yang mudah. Fukuoka mewujudkan sebuah bandar yang mengurangkan pelupusan sisa di tapak pelupusan sampah dengan kesedaran mengenai pengurangan sampah, penggunaan semula dan kitar semula bahan-bahan buangan, dan membakar sampah di insinerator dengan selamat dan stabil.



<b>Lawatan Kuliah</b>	Taman Bersih Rinkai (kemudahan pelupusan dan pembakaran sisa) / tapak pelupusan Barat Insentif untuk pengurangan sampah / pendidikan untuk mewujudkan masyarakat kitar semula
-----------------------	--

### **Pengurusan Bencana**

#### **Melindungi nyawa warga kota: Sistem pengurusan krisis berkualiti tinggi dan pendidikan pengurusan bencana**

Pengurusan krisis, dalam kes kecemasan seperti kebakaran, adalah sangat diperlukan untuk melindungi nyawa warga kota 24 jam sehari, setiap hari. Ini termasuk penubuhan pengurusan krisis berkualiti tinggi, dan latihan anggota bomba bandar ini setiap hari. Dalam masa bencana, jumlah nyawa yang dilindungi bergantung kepada tingkah laku tenang dan kesedaran mengenai pengurusan bencana oleh setiap warga kota.



<b>Lawatan Kuliah</b>	Pusat Pencegahan Bencana Warga Fukuoka/ Pusat Arahan Kecemasan Bencana Fukuoka / balai bomba Teknik pencegahan / teknik memadam kebakaran dan menyelamat / teknik kecemasan
-----------------------	--


Perhatian: Semua kemudahan selain Pusat Pencegahan Bencana adalah eksklusif untuk orang ramai yang terlibat dalam pengurusan bencana.

## Ringkasan Bandaraya Fukuoka

Bandaraya Fukuoka adalah bandaraya pusat di Kyushu, yang terletak di barat Jepun. Kyushu Utara, termasuk Bandaraya Fukuoka, adalah salah satu daripada empat kawasan metropolitan terbesar di Jepun, bersama-sama dengan Tokyo, Osaka dan Nagoya.

■Keluasan: 342km<sup>2</sup> ■Populasi: 1.58 juta (pada Januari, 2019)

■Iklim



## Daya Tarikan Bandaraya Fukuoka

### ■Bandaraya "Hospitaliti" sejak zaman dahulu

Terbuka kepada laut, Bandaraya Fukuoka telah berkembang melalui pertukaran dengan Korea dan China sejak zaman dahulu.

Bandaraya ini menyambut mesra pengunjung dengan suasana yang bebas dan terbuka, dan rasa hospitaliti.



### ■Bandaraya padat: Keseimbangan baik antara persekitaran semula jadi indah dan tarikan bandar kaya semula jadi

Ketika berjalan di bandar yang merangkumi Teluk Hakata, anda boleh merasai gunung dan laut. Terdapat beberapa taman dengan tumbuhan hijau subur dalam kawasan bandar di mana orang ramai boleh menikmati keindahan bunga-bunga bermusim sepanjang tahun.



### ■Tarikan bandar

Ia mengambil masa 10 minit dengan kereta api bawah tanah dari Lapangan Terbang Fukuoka ke pusat bandar dan 20 hingga 30 minit dari pusat bandar ke tempat-tempat persiaran/pelancongan utama. Bandaraya yang padat ini juga sesuai untuk membeli-belah.



## Untuk Permohonan Lawatan dan Latihan, Hubungi:



Pusat Penyelidikan Bandar Asia Fukuoka (URC)

[training@urc.or.jp](mailto:training@urc.or.jp)

TEL:092-733-5687

FAKS:092-733-5680

Fukuoka City Hall North Annex 6F, 1-10-1  
Tenjin, Chuo-ku, Fukuoka 810-0001 Japan



## URC Menyokong Pembentukan Program Mengikut Keperluan dan Jadual Anda

Sesi lawatan antarabangsa dan program latihan URC disesuaikan untuk memenuhi keperluan dan jadual anda mengikut: tarikh, tempat, dan kandungan kuliah.

- Untuk memohon sesi lawatan atau latihan, sila hubungi dahulu pejabat di atas (URC). Tarikh tutup permohonan untuk sesi lawatan dan latihan adalah satu bulan sebelum tarikh penyertaan.
- Selepas anda menghubungi kami, butiran seperti tarikh, tempat dan kandungan kuliah akan diatur melalui perundingan.

## Bandaraya Fukuoka Lawatan Antarabangsa dan Latihan

—Pembimbing untuk Bandaraya Selesa—



Jabatan Hal Ehwal Antarabangsa,  
Biro Hal Ehwal Am & Perancangan, Bandaraya Fukuoka  
[www.city.fukuoka.lg.jp](http://www.city.fukuoka.lg.jp)